

**SEJARAH PELAKSANAAN HAK PEWARISAN PUSAKA  
PADA ZAMAN JAHILIAH DAN ZAMAN PASCA-ISLAM:  
KAJIAN PERBANDINGAN**

Faridah Ahmad

School of Law, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia

E-mail: frdh\_ahmad@yahoo.co.uk

Fauziah Mohd. Noor

School of Law, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia

E-mail: mnfauziah@uum.edu.my

Alias Azhar

School of Law, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia

E-mail: az.alias@uum.edu.my

***Abstrak:** Artikel ini membincangkan perbezaan hak pewarisan pusaka antara zaman Jahiliah dengan zaman pasca-Islam. Metodologi pengkajian dalam bentuk perbandingan. Kajian bertujuan untuk memahami secara menyeluruh dari aspek sejarah pelaksanaan hak pewarisan pusaka pada zaman Jahiliah dan zaman pasca-Islam dan mengukuhkan pembangunan maklumat tersebut secara sistematik dan objektif. Bentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu mengkaji fenomena masa lampau yang berlaku pada zaman Jahiliah dan zaman pasca-Islam dari aspek kaedah pelaksanaan hak pewarisan pusaka. Dapatan menunjukkan bahawa hak pewarisan pusaka yang dilaksanakan selepas zaman pasca-Islam lebih menepati keadilan dan kesaksamaan berbanding zaman Jahiliah yang lebih berbentuk diskriminasi terutamanya dari aspek nasab dan hubungan melalui perkahwinan. Situasi yang berlaku antara dua zaman itu menunjukkan jurang pemisah yang amat ketara apabila ketetapan hak pewarisan pusaka zaman pasca-Islam yang lebih adil, lengkap dan sempurna sementara zaman Jahiliah berdasarkan akal fikiran yang terbatas dan tuntutan nafsu semata-mata menyebabkan berlaku kezaliman terutamanya golongan perempuan dan kanak-kanak.*

***Kata kunci:** Pusaka, Sejarah, Zaman Jahiliah pasca-Islam.*

**Abstract:** *This article discusses about the difference between the inheritance rights of heirs during the period of Jahiliah and after Islam. The study aims to comprehensively understand and to systematically and objectively strengthen the development of information about the historical perspective of the implementation of inheritance rights of heirs during the period of Jahiliah (before Islam) and post-Islamic era. The study employs qualitative method by exploring the old-time phenomena that happened during the period of Jahiliah and after Islam in the implementation of inheritance rights. The research outcome shows that implementation of inheritance rights during the post-Islamic era brings more justice than during the period of Jahiliah which are more discriminative in nature especially from the aspect of marriage relationship. The situations happened during these two eras indicate the wide gap between them where the determination of inheritance rights during the post-Islamic era is more just and complete where as during the period of Jahiliah such determination was based on limited human thinking and desire which has led to injustise especially towards women and children.*

**Keywords:** *Inheritance, After Islam, History, The period of Jahiliah (before Islam).*

## PENGENALAN

Undang-undang pusaka dalam Islam diwujudkan bagi memastikan pengurusan dan pembahagian harta pusaka dilaksanakan mengikut hukum Syarak. Kegagalan melaksanakan ketetapan syariat menyebabkan implikasi yang tidak sihat dalam kehidupan sosial masyarakat antaranya perselisihan faham, mengambil harta secara tidak sah, memakan harta anak yatim dan hak si mati tidak disempurnakan.

Dalam hal ini, ilmu undang-undang pusaka Islam atau lebih dikenali dengan ilmu *Faraid* perlu difahami secara holistik bukan hanya tentang perkara asas sahaja seperti pengertian ilmu tersebut, faktor-faktor yang membolehkan harta pusaka diwarisi oleh waris dan halangan-halangnya, ahli waris yang berhak menerima pusaka secara fardu dan *asobah*, waris-waris yang terhalang menerima pusaka dan kaedah pengiraan dan sebagainya perlu diberi perhatian.

Malah, dituntut untuk memahami sejarah dan latar belakang pelaksanaan hak pewarisan pusaka orang Islam baik ketika zaman Jahiliah mahupun ketika zaman pasca-Islam juga perlu difahami.

Topik ini relevan dan signifikan untuk diketengahkan kerana ada dalam kalangan masyarakat Islam pada masa kini semakin ghairah mempertikaikan sistem pusaka Islam yang dianggap sudah ketinggalan zaman dan tidak sesuai dengan perkembangan arus perdana. Bibit-bibit percanggahan sedemikian berlaku disebabkan golongan tertentu tidak memahami hakikat sebenar di sebalik tuntutan syariat yang berpaksi atas neraca keadilan dan kesaksamaan. Apabila mereka memahami susur galur sejarah pelaksanaan pusaka antara dua zaman tersebut, pandangan pesimis terhadap pensyariatan pusaka dapat dielakkan.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk memahami secara menyeluruh aspek sejarah pelaksanaan hak pewarisan pusaka pada zaman Jahiliah dan zaman pasca-Islam dan mengukuhkan pembangunan maklumat tersebut secara sistematik dan objektif.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu mengkaji fenomena masa lampau yang berlaku pada zaman Jahiliah dan zaman pasca-Islam dari aspek kaedah pelaksanaan hak pewarisan pusaka. Instrumen keperpustakaan merupakan sumber utama yang digunakan untuk mendapatkan hasil kajian terdahulu melalui buku-buku rujukan dan jurnal berkaitan isu yang dibincangkan. Data-data yang diperolehi dianalisis dalam bentuk perbandingan antara dua zaman tersebut supaya memberi impak positif kepada pemahaman ilmu *Faraid* secara kolektif.

## **SEJARAH PERKEMBANGAN HAK PEWARISAN PUSAKA**

Apabila membincangkan isu hak pewarisan pusaka, perkara utama yang perlu diketahui iaitu memahami sejarah hak pewarisan pusaka

sebagai suatu “*platform*” untuk pengukuhan ilmu secara holistik khususnya dalam pengurusan harta pusaka orang Islam. Kegagalan memahami perkara tersebut menyebabkan netizen masa kini tidak mengetahui hikmah dan kepentingan ketetapan hak pewarisan dalam Islam. Sehubungan dengan itu, dalam menelusuri sejarah pensyariatian hak pewarisan pusaka, pengkaji mengkategorikan kepada dua fasa iaitu:

Fasa pertama: Zaman Jahiliah

Fasa kedua: Pasca-Islam

### **Fasa Pertama - Zaman Jahiliah**

Zaman Jahiliah ialah suatu zaman yang penuh dengan penindasan, kezaliman dan “kegelapan”. Golongan yang lemah ditindas dan golongan berkuasa bebas melakukan apa sahaja mengikut kehendak hawa nafsu tanpa dibimbing dengan akal fikiran dan panduan agama. Oleh sebab itu, dalam konteks hak pewarisan pusaka pada zaman tersebut, golongan yang layak menerima harta iaitu:

#### **Keturunan dan kerabat**

Orang Arab Jahiliah telah menetapkan hak pewarisan harta pusaka kepada keturunan yang dikhususkan hanya untuk anak lelaki dewasa sahaja dan menafikan hak anak perempuan dan anak lelaki yang masih kecil yang dikenali sebagai anak-anak yatim. Faktor utama orang Arab Jahiliah bertindak sedemikian disebabkan kelemahan anak perempuan dan anak lelaki yang masih kecil dari aspek fizikal. Mereka tidak mampu menunggang kuda dan melawan musuh. Dalam hal ini, mereka tidak mampu membantu keluarga memiliki harta yang kebiasaannya diperolehi melalui peperangan dan peperangan ialah suatu sumber pendapatan ketika itu. Sekiranya mana-mana orang dapat mengalahkan musuh, mereka akan memperoleh harta rampasan perang atau *ghanimah*. Selain itu, mereka juga tidak berupaya mempertahankan maruah keluarga dan kabilah sendiri<sup>1</sup>. Fenomena ini merupakan adat kebiasaan yang sudah sebatian dengan kehidupan orang Arab Jahiliah. Selain faktor keturunan, kerabat juga

---

<sup>1</sup> Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa, (1943/1365). *Tafsir al-Maraghiy*, Juz. 4, Cet.1, (Mirs: Maktabah al-Baby al-Halaby wa Auladuhu), 194.

diberi hak pewarisan pusaka seperti saudara lelaki, bapa saudara sebelah bapa dan bapa saudara sebelah ibu dengan syarat mereka sudah dewasa<sup>2</sup>.

Pengkaji mendapati orang Arab Jahiliah amat komited dengan amalan nenek moyang mereka iaitu melebihi anak lelaki yang dewasa berbanding anak perempuan dan anak lelaki yang masih kecil. Sepatutnya golongan ini dibela dan dilindungi kerana mereka termasuk dalam kalangan anak-anak yatim. Situasi ini disebabkan anak lelaki dewasa lebih berani, dan mempunyai kekuatan stamina yang tinggi berbanding anak perempuan dan anak lelaki yang masih kecil<sup>3</sup>. Konsep pemikiran dan amalan orang Arab Jahiliah sedemikian amat jelas bertentangan dengan fitrah. Hakikatnya, anak perempuan berhak mewarisi harta ibu atau bapa mereka kerana mereka juga membantu ibu bapa mereka menjalani kehidupan dengan bahagia dan menjaga harta-harta yang disimpan di dalam rumah. Sementara anak lelaki yang masih kecil, walaupun tidak mampu membantu ibu dan bapa mendapatkan harta tetapi mereka sebahagian daripada kehidupan ibu dan bapa mereka yang dihubungkan melalui nasab atau keturunan. Isu ini tercatat dalam sejarah pensyariaan hak pewarisan pusaka dengan merujuk hadis Rasulullah SAW:

Maksudnya:

*“Sesungguhnya ‘Aws ibn Samit al-Ansory telah meninggal dunia dengan meninggalkan seorang balu yang bernama Ummu Kahah dan tiga orang anak perempuan. Kemudian dua orang anak lelaki bapa saudaranya iaitu Suwayd dan ‘Arfatah atau Qutadah dan ‘Urfajah telah mengambil harta pusaka daripada mereka mengikut tradisi Jahiliah iaitu wanita dan kanak-kanak tidak mempunyai hak dalam pewarisan.*

<sup>2</sup> Pada zaman Jahiliah secara lazimnya harta diperoleh melalui kemampuan menunggang kuda, melawan musuh menggunakan senjata dan merampas harta dalam peperangan. Lihat Muhammad al-Zuhaili, (2001/1422). *Al-Faraidh wa al-Mawarith wa al-Wasoya*, Cet. 1, (Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib), 28.

<sup>3</sup> Muhammad Muhammad Tamir, (911 H). *Lubabu al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul Li al-Imam al-Sayuthi*, (Darul Taqwa, Kuliyyah Dar al-Ulum Qism al-Syariah), 90; Muhammad Taqiyuddin al-‘Uthmani, (2006 /1427). *Takmilu Fath al-Mal-himi bi Syarah Soheh al-Imam Muslim*, Jld. 2, (Damsyiq: Dar al-Qalam), 8.

*Isteri 'Aus kemudiannya menemui Rasulullah SAW yang ketika itu berada di masjid Madinah yang kebiasaannya menjadi tempat menginap Ahlu al-Suffah dan mengadu kepada Rasulullah SAW dan Rasulullah SAW bersabda: "Kembalilah kamu sehingga aku menunggu perintah daripada Allah SWT". Maka turunlah ayat ini "Jangan kamu kurangkan walaupun sedikit daripada harta 'Aws kerana Allah SWT telah menetapkan untuk anak-anak perempuannya itu bahagian (hak) daripada peninggalannya tetapi Allah SWT belum menjelaskan secara terperinci sehingga diperjelaskan nanti. Selepas itu, turunlah ayat ini. Maka diberikan kepada Ummu Kahah satu perlapan dan tiga orang anak perempuannya dengan kadar dua pertiga dan kepada anak saudara lelaki bapa saudaranya bakinya"<sup>74</sup>*

Berdasarkan hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa sebelum kedatangan Islam, orang Arab Jahiliah membahagikan harta peninggalan si mati kepada anak-anak saudara lelaki yang dewasa sahaja sementara isteri dan anak-anak perempuan 'Aws ibn Samit al-Ansory dinafikan hak pewarisan pusaka suami dan bapa mereka. Ini menunjukkan sikap orang Arab Jahiliah yang lebih mementingkan diri sendiri dengan meletakkan hak pewarisan pusaka atas dasar keturunan sehingga menafikan hak golongan perempuan. Pada pandangan mereka golongan perempuan hanyalah sebagai tempat memuaskan tuntutan nafsu semata-mata<sup>5</sup>.

Dalam hal ini, al-Qurtubi dalam tafsirnya turut mengakui faktor "kelemahan" yang dimiliki golongan perempuan dan kanak-kanak menjadi punca sebenar seseorang itu tidak diberi hak pewarisan

---

<sup>4</sup> Al-Baidhawi, Imam al-Qhadhi Nasiruddin Abi Said Abdullah Abi Umar bin Muhammad al-Syirazi, (1996/1416). *Tafsir al-Baidhawi*, Juz. 2, (Beirut; Dar al-Fikr), 151.

<sup>5</sup> Sayyid Qutb, (/2004/1425). *Fi Zilal al-Quran*, Juz 1-4, Cet. 34, (al-Kaherah: Dar al-Syuruq), 590-591; Al-Syafie, Muhammad al- Amin bin Abdullah Al-Uramiy al-'Alawiyy al- Harariy, (2001/1421). *Tafsir Hadai'qu al-Ruh Wa al-Raihan fi Rawabi 'Ulum al-Quran*, Jld. 5, (Beirut: Dar al-Najah), 376; Soleh bin Fauzan bin Abdullah Fauzani, (2002/1423). *Al-Mulakkhas al-Fiqhi*, Juz.1 Cet. 1, (Riyadh: Ri'asah Idarah al-Buhuth al-'Alamiyyah wa al-Ifta'), 234.

pusaka yang sepatutnya diterima oleh mereka<sup>6</sup>. Menurut Hamka, pada zaman Arab Jahiliah golongan perempuan tidak memiliki hak pewarisan sama sekali. Pernyataan ini diperkukuh lagi oleh Muhammad al-Tahir bin A'syur yang menyatakan bahawa golongan perempuan yang menjadi isteri kepada seseorang lelaki, maka isteri tersebut juga tidak mempunyai hak pewarisan pusaka suaminya. Sebaliknya harta yang ditinggalkan oleh isteri, suami pula berhak mewarisi harta pusaka isterinya<sup>7</sup>. Demikian juga pandangan Mohd. Ridzuan Awang (2003) yang mengakui bahawa waris-waris perempuan tiada hak langsung dalam pewarisan harta pusaka bahkan mereka itu termasuk harta pusaka yang boleh diwarisi oleh waris lelaki yang lain<sup>8</sup>.

Dalam hal ini yang demikian itu, pengkaji berpendapat tindakan orang Arab Jahiliah sedemikian menggambarkan wajah sebenar peribadi mereka yang tidak menyanjung hak keturunan, hak kerabat dan hak pasangan sebaliknya rakus dalam menguasai harta kekayaan si mati.

### **Anak Angkat**

Pada zaman Jahiliah, anak angkat dianggap seperti anak kandung dengan dinasabkan kepada bapa angkat tersebut. Fakta ini merujuk kepada pandangan Muhammad al-Tahir bin A'syur dan Wahbah al-Zuhaili yang menyatakan bahawa anak angkat dianggap sebagai anak kandung kepada bapa angkatnya. Tindakan tersebut bertujuan untuk membolehkan mereka dan anak angkat mereka saling mempusakai antara satu sama lain<sup>9</sup>.

Dalam isu ini, pengkaji mendapati tokoh-tokoh sarjana terdahulu tidak menyatakan dengan jelas hak pewarisan pusaka termasuk anak

---

<sup>6</sup> Al- Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad Ansori, ( 2007/1427). *Al-Jami' li ahkam al- Quran*, Juz. 5, (Kaherah: Darul Hadis), 48-49.

<sup>7</sup> Muhammad al-Tahir bin A'syur, (1997). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, Jld. 3, (Tunis: Dar al- Sunnun Li al-Nasyr Wa al-Tauziq), 248.

<sup>8</sup> Mohd. Ridzuan bin Awang, "Isu-Isu Keadilan Dalam Pengagihan Harta Pusaka" dibentang dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003 Menghadapi Cabaran Globalisasi pada 24-25 September 2003 bertempat di Kolej Islam Selangor Darul Ehsan.

<sup>9</sup> Ibid; Wahbah al-Zuhaili, (2003/1424). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, Jld. 2, Juz 3-4, (Damsyiq: Darul Fikr), 607.

angkat perempuan atau sebaliknya. Namun, pengkaji berkeyakinan hak pewarisan pusaka dalam fasa ini hanya dikhususkan untuk anak angkat lelaki dewasa sahaja dan tidak termasuk anak angkat perempuan dewasa atau anak angkat lelaki yang masih kecil. Pandangan ini bersandarkan kenyataan Muhammad al-Zuhaili bahawa hak pewarisan pusaka dari aspek keturunan untuk anak lelaki dewasa sahaja manakala anak perempuan dan anak lelaki yang masih kecil tidak berhak mewarisi sesuatu pun daripada harta pusaka bapanya buat selama-lamanya<sup>10</sup>.

### **Perjanjian Persahabatan dan Setiakawan**

Perjanjian persahabatan dan setiakawan iaitu ikatan janji setia yang disepakati antara dua orang lelaki yang tidak mempunyai hubungan kerabat. Pada zaman Jahiliah, perjanjian tersebut dimeterai melalui kaedah bersumpah iaitu:

Maksudnya:

*“Darahku adalah darahmu, kamu menolongku dan aku menolong kamu, kamu mewarisiku dan aku pula akan mewarisimu, engkau menuntut bela ke atasku dan aku pula akan menuntut bela ke atas kamu”*<sup>11</sup>.

Dapat difahami daripada kaedah tersebut, wujud perjanjian persahabatan antara dua sahabat. Sekiranya berlaku kematian salah seorang daripada mereka, sahabat yang masih hidup secara langsung berhak mewarisi ke atas harta sahabatnya yang meninggal dunia itu<sup>12</sup>. Sumpah yang dilafazkan atas dasar persahabatan dianggap sebagai suatu ikatan yang amat kuat dan hampir setanding dengan keturunan. Lebih-lebih lagi, kehidupan “susah senang” yang dilalui bersama sejak sekian lama dan saling sumbang-menyumbang dan tolong-menolong antara satu sama lain<sup>13</sup>. Oleh sebab itu, hak

<sup>10</sup> Muhammad al-Zuhaili, (2001/1422). *Al-Faraidh wa al-Mawarith wa al-Wasoya*, 27.

<sup>11</sup> Nasr Sulaiman & Su’ad Sathi, (2011/1431). *Fiqh al-Mawarith fi Dhawi al-Kitab wa al-Sunnah Dirasah Muqaranah baina al-Mazahib*, Cet. 1, (Beirut: Dar Ibn. Hazm), 15.

<sup>12</sup> Al-Maraghiy, (1943/1365). Ahmad Mustafa, *Tafsir al-Maraghiy*, 194.

<sup>13</sup> Abi Abbas Najmuddin Ahmad bin Muhamaad Ibn Al-Raf’ah, (2009/1430). *Kifayat al-Nabih Syarah al-Tanbih fi Fiqh al-Faqih al-Imam al-Syafie*, Juz.



pewarisan pusaka pada zaman tersebut lebih mementingkan pihak yang banyak menyumbang dalam memperoleh harta kekayaan. Sementara pihak yang lemah dan tidak berkemampuan membantu memperoleh harta kekayaan tidak mempunyai hak dalam pewarisan pusaka meskipun mempunyai pertalian nasab dengan si mati.

Selain itu, pada zaman Jahiliah, konsep pembahagian harta pusaka yang dilaksanakan tidak menyumbang kepada perkembangan ilmu dan tamadun manusia bahkan tiada suatu kaedah pembahagian pusaka ditetapkan. Tiada juga penetapan kadar yang tertentu untuk ahli waris sama ada hubungan nasab, kerabat, anak angkat dan hubungan persahabatan dan setiakawan. Amat malang, terdapat dalam kalangan waris yang menanam barang di dalam kubur bersama si mati<sup>14</sup>. Tindakan orang Arab Jahiliah itu jelas menunjukkan kelemahan mereka dalam mengurus sistem pusaka dengan adil dan bijaksana.

Jika diteliti, pembahagian harta pusaka fasa zaman Jahiliah tidak mengikut neraca keadilan dan kesaksamaan. Senario yang berlaku menunjukkan pihak yang lebih banyak menyumbang kepada perolehan harta maka pihak itulah yang berhak mewarisi harta tersebut tanpa mempedulikan hak keturunan, kerabat dan pasangan. Sebaliknya, bukan keturunan dan kerabat pula diberi hak dan keistimewaan dalam pewarisan pusaka seperti anak angkat dan hubungan setiakawan atas perjanjian yang dimeterai bersama.

## **Fasa Kedua - Zaman Pasca-Islam**

Hijrah Nabi SAW dari Mekah ke Madinah ialah fasa transformasi untuk memartabatkan ummah. Penghijrahan tersebut disebabkan orang Arab Jahiliah masih bertuhankan hawa nafsu dalam kehidupan. Maka “Islam” yang dibawa oleh Nabi SAW ialah agama yang mementingkan hak dan keadilan serta menghapuskan segala bentuk kezaliman dan penindasan. Metodologi yang dilaksanakan oleh Nabi SAW dalam memperkenalkan Islam secara berhikmah dan berperingkat-peringkat supaya orang Islam yang menerima

---

<sup>12</sup>, Cet. 1, (Beirut: Dar al- Kotob al-‘Ilmiyah.), 466; Muhammad al-Tahir bin A’syur, (1997). *Tafsir al-Tahrir wa al- Tanwir*, Jld. 3, 248.

<sup>14</sup> Abdul Rahman bin Khaldun, *Muqaddimah Ibn. Al-Khaldun*, (1998-1419), Cet.1, (Beirut: Dar al-Fikr), 366.

kedatangan Islam tidak merasa keberatan untuk melaksanakan perubahan tersebut<sup>15</sup>. Hak pewarisan pusaka pasca Islam bermula peringkat awal kemunculan Islam iaitu pada saat-saat Islam mempunyai pengikut yang amat sedikit dan masih lemah sehinggalah Islam menjadi agama yang amat kuat dan digeruni musuh. Dalam pengkajian isu ini, pengkaji merujuk pandangan Ahmad Mustafa al-Maraghiy yang mengkategorikan pensyariatan hak pewarisan pusaka kepada empat peringkat iaitu<sup>16</sup>.

### **Peringkat Pertama**

Peringkat pra-Islam, pelaksanaan hak pewarisan pusaka berbeza sedikit daripada fasa zaman Jahiliah. Pertama, syariat menetapkan hak pewarisan pusaka kepada keturunan bukan sahaja kepada anak lelaki dewasa sahaja malah mengiktiraf hak anak perempuan dan anak lelaki yang masih kecil dalam pewarisan. Hal ini kerana Islam amat mementingkan hubungan keturunan dalam kehidupan. Sekiranya anak perempuan dan anak lelaki yang masih kecil tidak diberikan hak untuk mewarisi harta ibu dan bapa kandung mereka yang telah meninggal dunia maka tindakan tersebut suatu kezaliman. Islam mengambil berat hak anak-anak yatim. Ketetapan ini merujuk firman Allah SWT iaitu:

Maksudnya:

*“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan)”*<sup>17</sup>.

Merujuk ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa syariat menetapkan hak anak lelaki dan hak anak perempuan dalam pewarisan secara umum tanpa perbezaan jantina dan usia. Lebih-lebih lagi syariat mengharamkan memakan atau mengambil harta anak-anak yatim secara zalim seperti dilakukan pada zaman Jahiliah<sup>18</sup>. Firman Allah SWT yang bermaksud:

---

<sup>15</sup> Muhammad al-Zuhaili, (2001/1422). *Al-Faraidh wa al-Mawarith wa al-Wasoya*, 28.

<sup>16</sup> Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa, (1943/1365). *Tafsir al-Maraghiy*, 195.

<sup>17</sup> Al-Quran, *al-Nisaa'*, 4:11.

<sup>18</sup> Muhammad al-Tahir bin A'syur, (1997). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, Jld. 3 (Tunisia: Dar Suhnon), 252-253.

*“Sesungguhnya orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu menelan api neraka dalam perutnya dan mereka akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala<sup>19</sup>”.*

Berdasarkan ayat di atas, Allah menegah mana-mana orang melakukan kezaliman ke atas harta pusaka anak yatim seperti menggunakan untuk kepentingan peribadi, menipu, menyembunyikan status harta dan sebagainya. Balasan bagi perbuatan tersebut ialah azab api neraka yang amat pedih.

Kedua, faktor perjanjian persahabatan atau sumpah setia seperti dilaksanakan pada zaman Jahiliah berdasarkan firman Allah SWT: Maksudnya:

*“...dan mana-mana orang yang kamu telah membuat ikatan setia dengan mereka (untuk bantu-membantu dalam masa kecemasan dan kesusahan) maka berikanlah kepada mereka bahagiannya. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa menyaksikan tiap-tiap sesuatu”<sup>20</sup>.*

Merujuk ayat di atas, hubungan persahabatan dan setiakawan yang telah dipupuk pada zaman Jahiliah sukar dipisahkan dan syariat membenarkan hubungan tersebut diteruskan supaya masyarakat Islam tidak memandang negatif terhadap konsep pensyariatian pewarisan Islam yang diperkenalkan oleh Nabi SAW. Walau bagaimanapun, perjanjian persahabatan dan janji setia yang baharu selepas pra-Islam tidak dibenarkan. Ketetapan ini merujuk sabda Nabi SAW:

Maksudnya:

*“Daripada Jubair bin Muth'im berkata: Sabda Rasulullah SAW: Tidak ada perjanjian (kerana berperang) di dalam Islam dan mana-mana perjanjian (kerana kebajikan) yang diadakan dalam Jahiliah maka Islam tambah memperkukuhkan lagi perjanjian ini”<sup>21</sup>.*

<sup>19</sup> Al-Quran, *an-Nisa'*, 4:10.

<sup>20</sup> Al-Quran, *an-Nisa'*, 4: 33.

<sup>21</sup> Al-Naisaburi, Imam Muslim (2007/1428). *Soheh Muslim*, Kitab Fadhail al-Sohabah, Cet.2, (Beirut: Dar al-Ma'rifah), 1159; Soheh Muslim (2000/1421). *Jam'u Jawami' al-Ahadis wa al-Asanid wa Makjizi al-Sihah wa al-Sunan wa al-Masanid*. Juz. 2, Kitab Fadhail al-Sohabah r.a, (Germany: Thesaurus Islamicus Foundtion), 1078; Sunan Abi Daud, (2000/1421). *Jam'u Jawami' al-Ahadis*

Ketiga, anak angkat tidak diberi hak dalam pewarisan pusaka bahkan larangan menasabkan anak angkat kepada bapa angkat dengan merujuk firman Allah SWT.

Maksudnya:

*“Dan dia juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu, sebagai anak kamu sendiri. Segala yang kamu dakwakan mengenai perkara-perkara yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Dan (ingatlah) Allah SWT menerangkan yang benar dan Dialah jua yang memimpin ke jalan yang betul. Panggilah anak-anak angkat itu dengan ber”bin”kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah SWT melakukannya”<sup>22</sup>.*

Hal ini terbukti apabila Rasulullah SAW mengambil Zaid bin Harithah sebagai anak angkat baginda dan dinamakan Zaid bin Muhammad. Namun, amalan tersebut terhenti apabila Allah SWT menegahnya. Firman Allah SWT;

Maksudnya:

*“Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang daripada orang lelaki kamu<sup>23</sup>, tetapi ialah Rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi<sup>24</sup>. Dan (ingatlah!) Allah SWT adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”<sup>25</sup>.*

---

wa al-Asanid wa Makjizi al-Sihah wa al-Sunan wa al-Masanid. Juz. 2, Kitab Fadhail al-Sohabah r.a. (Germany:Thesaurus Islamicus Foundtion), 503.

<sup>22</sup> Al-Quran, *al-Ahzab*, 33: 4-5.

<sup>23</sup> Nabi Muhammad SAW bukanlah bapa kepada Zaid, bapa Zaid ialah Harithah. Meskipun Zaid anak angkat baginda tetapi anak angkat bukanlah anak sendiri. Ayat suci ini menolak tuduhan kaum kafir dan golongan munafik yang menyatakan: “Muhammad berkahwin dengan bekas isteri anaknya sedang dia melarang kita berbuat demikian”. Lihat Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran, 1112.

<sup>24</sup> Setelah itu, Allah SWT menegaskan bahawa Nabi SAW ialah Rasulullah serta menjadi kesudahan nabi-nabi seluruhnya (خاتم النبيين), iaitu Nabi yang akhir sekali, tidak ada Nabi dan Rasul sesudah baginda. Lihat Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran, 1112.

<sup>25</sup> Al-Quran, *al-Ahzab*, 33: 40.

Larangan menasabkan anak angkat kepada bapa angkat dalam ayat di atas menunjukkan bahawa hak nasab dalam pewarisan pusaka amat penting. Dalam hal ini, anak angkat tidak diberi hak dalam pewarisan pusaka. Inilah perbezaan pertama yang dapat dikenal pasti antara amalan pada zaman Jahiliah dengan pra-Islam yang telah dihapuskan oleh Nabi SAW. Namun, umat Islam ketika itu masih keberatan untuk meninggalkan amalan warisan nenek moyang mereka yang sudah sebatu dengan kehidupan mereka. Larangan memberi hak pewarisan pusaka kepada anak angkat atas faktor “pengangkatan” berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya:

*“Dan bagi tiap-tiap (lelaki dan perempuan yang telah mati), Kami telah tetapkan orang yang berhak mewarisi peninggalannya iaitu ibu bapa dan kerabat yang dekat”<sup>26</sup>.*

Ayat di atas menetapkan hak pewarisan pusaka kepada nasab kerana hubungan darah daging dan kasih sayang yang tulus suci adalah semulia-mulia hubungan yang diiktiraf dalam Islam. Ketetapan ini bersifat mutlak dan wajar dipraktikkan kerana keturunan merupakan elemen utama dalam institusi kekeluargaan berbanding anak angkat yang tiada hubungan “darah daging”<sup>27</sup>.

## **Peringkat Kedua**

Faktor setiakawan dan persahabatan yang dimeterai masih diberi hak dalam pewarisan, namun syariat Islam memberi kelonggaran atas faktor orang Islam yang berhijrah bersama Rasulullah SAW ke Madinah sahaja. Bagi orang Islam yang masih tinggal di Mekah dan tidak berhijrah, mereka tidak mempunyai hak dalam perwarisan pusaka sekalipun mereka mempunyai hubungan nasab dan kerabat dengan si mati. Walau bagaimanapun, golongan Muhajirin dibenarkan memeterai perjanjian sesama mereka atas dasar setiakawan dalam mewarisi harta pusaka masing-masing jika salah seorang daripada mereka meninggal dunia. Kebenaran tersebut

<sup>26</sup> Al-Quran, *an-Nisa'*, 4: 33.

<sup>27</sup> Wahbah al-Zuhaili, (2003/1424). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, Jld. 2, Juz 3-4, 607.

diizinkan oleh syarak hanya atas dasar penghijrahan sahaja<sup>28</sup>. Allah SWT berfirman:

Maksudnya:

*“Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah SWT, dan orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain. Dan orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikitpun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah”<sup>29</sup>.*

Merujuk ayat di atas, hak pewarisan pusaka dibenarkan ke atas orang Islam yang berhijrah sahaja. Contohnya, Rasulullah SAW mempersaudarakan dua orang lelaki dalam kalangan Muhajirin dan Ansar dan mereka saling mewarisi antara satu sama lain setelah salah seorang dalam kalangan mereka meninggal dunia<sup>30</sup>. Bagi mereka yang kekal menetap di Mekah, mereka tidak dibenarkan mewarisi harta pusaka atas faktor tersebut.

### **Peringkat Ketiga**

Allah SWT telah membatalkan hak pewarisan atas faktor penghijrahan. Ketetapan ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya:

*“Dalam pada itu, orang yang mempunyai pertalian kerabat, sesetengahnya lebih berhak akan sesetengahnya yang lain*

---

<sup>28</sup> Abi Abbas Najmuddin Ahmad bin Muhamaad Ibn Al-Raf’ah, (2009/1430). *Kifayat al-Nabih Syarah al – Tanbih fi Fiqh al-Faqih al-Imam al-Syafie*, Juz. 12, 466; Muhammad al-Tahir bin A’syur, (1997). *Tafsir al-Tahrir wa al- Tanwir*, Jld. 3, 248; Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa, (1943/1365). *Tafsir al-Maraghiy*, 195.

<sup>29</sup> Al-Quran, *al-Anfal*, 8: 72.

<sup>30</sup> Abi Abbas Najmuddin Ahmad bin Muhamaad Ibn Al-Raf’ah, (2009/1430). *Kifayat al-Nabih Syarah al– Tanbih fi Fiqh al-Faqih al-Imam al-Syafie*, 466.

*menurut (hukum) kitab Allah SWT, Sesungguhnya Allah SWT amat mengetahui akan tiap-tiap sesuatu*<sup>31</sup>.

Merujuk ayat di atas, hak pewarisan pusaka dalam Islam hanya diiktiraf melalui hubungan kerabat dan nasab sahaja. Menurut Ahmad Mustafa al-Maraghiy dalam tafsirnya menyatakan pada peringkat ini syariat telah membatalkan hak warisan atas dasar penghijrahan dan digantikan dengan *wasiat wajibah*<sup>32</sup>. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

*“Kamu diwajibkan, apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika dia ada meninggalkan harta, (hendaklah dia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang yang bertakwa”*<sup>33</sup>.

Nas di atas menunjukkan bahawa *wasiat wajibah* diharuskan oleh hukum syarak sebelum kematian. Wasiat tersebut dikhususkan untuk waris yang mempunyai pertalian nasab tetapi terhalang daripada mewarisi harta si mati. Contohnya, seorang cucu lelaki terhalang daripada menerima harta pusaka datuknya disebabkan bapanya telah meninggal dunia terlebih dahulu. Dalam hal ini, cucu lelaki tersebut boleh menerima harta pusaka datuknya secara *wasiat wajibah*. Isu ini menunjukkan bahawa *wasiat wajibah* dapat mententeramkan

<sup>31</sup> Al-Quran, *al-Anfal*, 8: 75.

<sup>32</sup> *Wasiat wajibah* iaitu pemberian yang wajib daripada harta warisan kepada ahli waris seperti cucu lelaki atau kerabat yang terhalang daripada menerima harta warisan disebabkan ibu atau bapa mereka telah meninggal dunia sebelum datuk atau nenek mereka. Wasiat wajibah dengan mengambil bahagian Faraid bapa atau ibunya dengan kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka datuk atau nenek mereka. Sekiranya bahagian ibu atau bapa mereka adalah 1/3 atau kurang daripada 1/3 maka pembahagiannya hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi 1/3 maka wasiat wajibah hendaklah dikurangkan pada kadar tidak melebihi 1/3. Lihat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke 83 yng bersidang pada 22-24 Oktober 2008; Wahbah al-Zuhaili, (2010/1431). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami Wa al-Qhadhaya al-Mu'asiroh*, Juz. 9, Cet. 1 (Damsyiq: Dar al-Fikr), 120.

<sup>33</sup> Al-Quran, *al-Baqarah*, 2:180.

jiwa cucu tersebut disebabkan ia dapat menikmati sebahagian daripada harta datuknya seperti waris-waris yang lain<sup>34</sup>.

### Peringkat Keempat

Allah SWT memansuhkan semua hak pewarisan pusaka yang dilaksanakan sebelum ini. Ketetapan ini disempurnakan setelah ayat pensyariatian tentang pewarisan diturunkan. Oleh sebab itu, hak pewarisan pusaka dalam Islam hanyalah disebabkan hubungan nasab, perkahwinan dan perhambaan<sup>35</sup>. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

*“Allah perintahkan kamu mengenai (pembagian pusaka untuk) anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan; tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa si mati, tiap-tiap seorang daripada kedua-duanya seperenam daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Namun, jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibubapanya (sahaja), maka bahagian ibunya ialah sepertiga; kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembahagian-itu) sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayar hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa antara mereka yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-*

---

<sup>34</sup> Muhammad al-Tahir bin A'syur, (1997). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, Jld. 3, 251-252.

<sup>35</sup> Muhammad al-Zuhaili, (2011/1432). *Al-Muktamad fi al-Fiqh al-Syafie*, Bab al-Ahwal al-Sahsiyyah, Juz. 4, Cet. 3, (Damsiyiq: Dar al-Qalam), 350.



*masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan daripada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui lagi Amat Bijaksana”<sup>36</sup>.*

Walau bagaimanapun, terdapat dalam kalangan sarjana Islam menambah satu lagi faktor yang menyebabkan waris berhak dalam pewarisan pusaka iaitu beragama Islam. Antaranya al-Shirbiny<sup>37</sup>, Wahbah al-Zuhaily<sup>38</sup>, Muhammad al-Zuhaily<sup>39</sup>, Mustaffa al-Khin<sup>40</sup> dan al-Muqri<sup>41</sup>. Dalam hal ini, Islam amat menjaga kepentingan harta milik orang Islam. Sekiranya tiada seorang pun waris ditinggalkan oleh si mati yang beragama Islam maka harta peninggalannya diserahkan ke baitulmal<sup>42</sup>. Ini disebabkan, syarat untuk mempusakai harta orang Islam mestilah beragama Islam. Jika terdapat dalam kalangan waris yang berhak tidak beragama Islam atau kafir maka gugurlah hak pewarisan pusaka waris tersebut. Ketetapan ini berdasarkan hadis Nabi SAW bermaksud:

*Daripada Usamah bin Zaid r.a: Sesungguhnya Nabi SAW bersabda: “Tidak boleh orang Islam mewarisi harta orang kafir dan tidak boleh orang kafir mewarisi harta orang Islam”<sup>43</sup>.*

Selain itu, pada zaman pasca-Islam, ilmu *Faraid* telah menyumbang kepada perkembangan ilmu dan tamadun manusia. Terdapat dalam ilmu tersebut angka-angka yang ditetapkan oleh syarak

<sup>36</sup> Al-Quran, *an-Nisa'*, 4:11.

<sup>37</sup> Al-Syirbini, Shamsuddin Muhammad bin al-Khatib, (1997/1418). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. (Beirut: Dar al-Makrifah), 9.

<sup>38</sup> Wahbah al-Zuhaili, (1985//05. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Cet. 2, Juz.8 (Damsyik: Dar al-Fikr), 251-252.

<sup>39</sup> Muhammad al-Zuhaili, (2001/1422). *Al-Faraid wa al-Mawarith wa al-Washoya*, 81.

<sup>40</sup> Mustaffa Khin, Mustaffa Bugho & Ali As-Sharbaji, (2013/1434). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, Cet. 14, Jld.2, (Damsyiq; Dar al-Qalam), 276.

<sup>41</sup> Al-Muqri, Syarafiddin Ismail, (2013/1434). *Raudhu al-Thalib wa al-Hayatu Mathlab al-Raghib*, Cet.1, Juz.2, (Al-Kuwait: Dar al-Dhiya'), 5

<sup>42</sup> Mustaffa Khin, Mustaffa Bugho & Ali As-Sharbaji, (2013/1434). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, Cet. 14, Jld.2, 276.

<sup>43</sup> Sahih Bukhari, (2007) (No.Hadis,6764), Kitab al-Faraidh, (Beirut: Dar l-Makrifah), 1650.

kepada waris-waris *fardu* seperti  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{4}$ ,  $\frac{1}{8}$ ,  $\frac{2}{3}$ ,  $\frac{1}{3}$  dan  $\frac{1}{6}$ <sup>44</sup>. Dalam konteks pembahagian harta antara satu bahagian dengan satu bahagian adalah mudah. Namun, jika dibahagian harta antara satu bahagian dengan pecahan seperti  $\frac{1}{6}$  atau  $\frac{1}{8}$  tentunya agak sukar. Kaedah penyelesaiannya melalui saham-saham yang tertentu. Secara tidak langsung, pensyariatan menjadi suatu mekanisme untuk menjana ilmu matematik dengan lebih konstruktif. Al-Khawarizmi merupakan seorang tokoh sarjana Islam yang pertama memperkenalkan asas-asas dalam ilmu matematik seperti *algebra* dan *al-muqabalah* berdasarkan ilmu *Faraid*.<sup>45</sup>

Kesempurnaan hak pewarisan pusaka Islam tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak kerana dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip seperti kesederhanan dan keseimbangan antara pemilikan dan pewarisan, kebebasan yang mutlak bagi waris dan ummah (Baitulmal), pengagihan harta mengikut hak yang sebenar baik ketika hidup mahupun sesudah mati. Selain itu, keadilan dalam pengagihan kadar kepada waris mengikut hubungan dengan si mati sama ada disebabkan kerabat atau perkahwinan tanpa mengetepikan hak anak-anak yatim. Ketetapan hukum pewarisan atau harta pusaka Islam kekal hingga ke akhir zaman. Konsepnya tidak berubah dan tidak boleh ditokok tambah sekalipun berlaku perubahan pada tempat dan masa kerana Allah SWT telah memuktamadkan ketetapan tersebut untuk kemaslahatan ahli waris. Perbezaan penentuan hak pewarisan pusaka antara dua zaman tersebut dengan merujuk Jadual 1 iaitu:

Dalam perkembangan pewarisan zaman pasca-Islam, pengkaji mengetengahkan contoh kes pertama pewarisan pusaka yang dilaksanakan mengikut syariat. Perkara ini berdasarkan penulisan Kamal al-Din Abi al-Baqā' Muhammad bin Musa bin Isa al-Damiri yang menjelaskan bahawa sejarah permulaan pelaksanaan pensyariatan Islam berlaku pada zaman Nabi SAW. Peristiwa itu berlaku dalam keluarga 'Adi bin Nadhlah bin al-'Uzza yang telah

<sup>44</sup> Mustaffa Khin, Mustaffa Bugho & Ali As-Sharbaji, (2013/1434). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, Cet. 14., 282; Muhammad al-Zuhaili, (2012/1433). *Al-Faraid wa al-Wasoya*, Cet. 1, (Damsyik: Dar al-Mustaffa), 26.

<sup>45</sup> Abdul Rahman bin Khaldun, (1998-1419). *Muqaddimah Ibn. Al-Khaldun*, Cet.1, (Beirut: Dar al-Fikr), 480-482; Nik Azmah Nik Yusuff, "Kualiti Perkhidmatan Pengurusan Pendidikan Sains dan Matematik Dalam Wawasan Pendidikan Negara" (Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

**Jadual 1:** Perbezaan Hak Pusaka pada Zaman Jahiliah dan pasca-Islam

<b>Bil.</b>	<b>Hak Pewarisan Pusaka Zaman Jahiliah</b>	
1.		Keturunan – hak pewarisan pusaka untuk anak lelaki dewasa sahaja sementara anak perempuan dan anak lelaki yang masih kecil (anak yaitm) tidak berhak ke atas harta pusaka yang ditinggalkan oleh ibu atau bapa mereka. Selain itu, isteri tidak berhak ke atas harta pusaka suami sebaliknya suami sahaja yang berhak mewarisi harta isterinya.
2.		Anak angkat berhak mewarisi harta pusaka bapa angkat yang dinasabkan kepadanya seolah-olah seperti anak kandung.
3.		Perjanjiaan persahabatan dan setiakawan.
<b>Bil</b>	<b>Peringkat</b>	<b>Hak Pusaka pasca-Islam</b>
1.	Peringkat Pertama	i. Keturunan iaitu anak kandung si mati tanpa mengira jantina atau usia, kuat atau lemah. ii. Perjanjiaan setiakawan / persahabatan yang terjalin semasa zaman Jahiliah diiktiraf namun untuk menjalinkan ikatan perjanjian persahabatan yang baharu tidak dibenarkan. iii. Anak angkat tidak berhak mewarisi harta pusaka bapa angkatnya.
2.	Peringkat Kedua	i.. Keturunan – anak si mati tanpa mengira jantina atau usia, kuat atau lemah. ii. Perjanjiaan setiakawan / persahabatan atas faktor penghijrahan dari Mekah ke Madinah sahaja. Walau bagaimanapun, golongan Muhajirin dibenarkan memeterai perjanjian sesama mereka atas dasar setiakawan dalam mewarisi harta pusaka masing-masing jika salah seorang meninggal dunia.
3.	Peringkat Ketiga	i. Keturunan – anak si mati tanpa mengira jantina atau usia, kuat atau lemah. ii. Wasiat wajibah diharuskan kepada kerabat yang tidak mendapat hak dalam pewarisan pusaka. iii. Perjanjiaan setiakawan/persahabatan atas faktor penghijrahan dimansuhkan.
4.	Peringkat Keempat	i. Keturunan ii. Perkahwinan yang sah iii. Hamba iv. Beragama Islam

berhijrah bersama anaknya, Nukman bin ‘Adi ke Habsyah lalu beliau meninggal dunia di sana. Selepas kematiannya, Nukman ialah waris pertama dalam Islam yang mewarisi harta ayahnya itu secara keseluruhan<sup>46</sup>. Oleh sebab itu, sistem pewarisan Islam mula dilaksanakan sejak peristiwa tersebut sehingga kini berdasarkan hukum *Faraid*.

## CONTOH IJTIHAD SAHABAT DALAM PELAKSANAAN PUSAKA ISLAM

Dalam sejarah perundangan pusaka Islam, terdapat beberapa kes pembahagian pusaka berdasarkan ijtihad para sahabat. Kes tersebut berhubung kait dengan gelaran yang tertentu dan pengecualian dari aspek pengiraan pembahagian harta pusaka seperti yang ditetapkan oleh syarak. Pengkaji membincangkan dua contoh ijtihad para sahabat iaitu kes-kes khas dengan gelaran yang tertentu iaitu *al-Umaryatain* atau *al-Gharawain* dan kes pengecualian daripada pengiraan asal iaitu kes *al-Musyarrakah* atau *al-Himmariyyah*<sup>47</sup>.

### Contoh Kes al-Umaryatain atau al-Gharawain

Masalah pembahagian harta pusaka mula terserlah pada zaman pemerintahan Sayidina Umar Ibn. al-Khattab. Kes *al-Umaryatain*<sup>48</sup> atau *al-Gharawain*<sup>49</sup> iaitu melibatkan kematian seorang perempuan

---

<sup>46</sup> Al-Damiri, Kamal al-Din Abi al-Baqa’ Muhammad bin Musa bin Isa, (2011/1432). *Al-Najmu al-Wahhaju fi Syarhi al-Minhaj*, Jld. 6, (Jeddah: Dar al-Minhaj), 110.

<sup>47</sup> Mustaffa Khin, Mustaffa Bugho & Ali As-Sharbaji, Cet.14, Jld.2, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, 312-313.

<sup>48</sup> Umaryatain iaitu dua kes yang diputuskan oleh Sayidina Umar Ibn. al-Khattab, khalifah Islam yang kedua dan akhirnya keputusan tersebut disepakati oleh Jumhur Ulama. Lihat Muhammad al-Zuhaili, (2011/1432). *Al-Muktamad Fi al-Fiqh al-Syafie*, Juz. 4, Cet. 3, (Damsyiq: Dar al-Qalam), 380; N.J. Coulson, (1971). *Succession in the Muslim Family*, (Cambridge University Press), 45; Wan Abul Halim Wan Harun, *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*, (2008), Cet.2, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), 158.

<sup>49</sup> Al-Gharawain berasal daripada kalimah al-Gharra’ iaitu dua yang terang kerana kaedah penyelesaian terhadap dua kes oleh Sayidina Umar Ibn. Al-Khattab amat jelas seperti bintang-bintang yang bergemerlapan atau menjelaskan bahagian ibu yang sebenarnya. Lihat Muhammad al-Zuhaili, (2011/1432). *Al-Muktamad Fi al-Fiqh al-Syafie*, Juz. 4, 380; N.J. Coulson, (1971). *Succession in the Muslim Family*, 46.

yang meninggalkan seorang suami, ibu dan bapa sahaja. Sementara kes kedua, seorang suami yang mati meninggalkan isteri, ibu dan bapa sahaja. Merujuk nas al-Quran secara literal, kaedah penyelesaian dalam kes pertama suami mendapat  $\frac{1}{2}$ , ibu mendapat  $\frac{1}{3}$  baki iaitu selepas dibahagikan bahagian suami. Sementara bapa mendapat *asobah* iaitu baki selepas ditolak bahagian suami dan ibu. Demikian juga kes kedua, isteri mendapat  $\frac{1}{4}$ , ibu mendapat  $\frac{1}{3}$  baki selepas ditolak bahagian isteri. Bapa pula mendapat *asobah* iaitu lebih daripada pembahagian untuk isteri dan ibu. Kaedah pembahagian tersebut merujuk firman Allah SWT:

Maksudnya:

*“Dan untuk dua orang ibu-bapa, bagi masing-masingnya seperenam daripada harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak; jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan dia diwarisi oleh ibu-bapanya (saja), maka ibunya mendapat sepertiga”*<sup>50</sup>.

Berdasarkan ayat di atas, ibu mendapat bahagian yang lebih daripada bapa iaitu dua bahagian sementara bapa mendapat satu bahagian. Keadaan ini bertentangan ketetapan dalam *Faraid* yang mengangkat darjat lelaki sebagai ketua keluarga dan berkewajipan memberi nafkah kepada ahli keluarganya. Dalam situasi ini, bapa tidak menerima penghormatan yang sepatutnya seperti anak lelaki mendapat dua bahagian berbanding anak perempuan mendapat satu bahagian berdasarkan prinsip:

Maksudnya:

*“Bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan”*<sup>51</sup>.

Oleh sebab itu, untuk mengembalikan keadilan kepada ahli waris yang berhak maka Sayidina Umar Ibn al-Khattab dalam ijtihadnya memutuskan bahawa ibu mendapat  $\frac{1}{3}$  baki daripada lebih bahagian suami bukannya  $\frac{1}{3}$  baki daripada keseluruhan harta si mati. Ijtihad Sayidina Umar Ibn. Al-Khattab dalam menangani isu

<sup>50</sup> Al-Quran, *al-Nisaa'*, 4:11.

<sup>51</sup> Ibid.

ini telah memberi keadilan dan hak kepada seorang bapa sebagai ketua keluarga<sup>52</sup>.

Para sahabat berselisih pandangan dalam masalah tersebut. Pendapat pertama dipelopori oleh Sayidina Uthman bin Affan, Zaid bin Tsabit, Ibn. Mas'ud dan disepakati oleh jumhur ulama seperti yang diputuskan oleh Sayidina Umar ibn al-Khattab iaitu ibu mendapat 1/3 bahagian daripada baki setelah ditolak bahagian suami sebanyak 1/2 atau bahagian isteri sebanyak 1/4. Sementara pendapat kedua diasaskan oleh Ibnu Abbas dan bertentangan dengan pandangan jumhur ulama iaitu ibu mendapat bahagian 1/3 daripada keseluruhan harta peninggalan si mati disebabkan berpegang kepada zahir nas. Pendapat yang sah ialah pendapat jumhur ulama seperti yang diputuskan oleh Sayidina Umar Ibn al-Khattab dan diamalkan sehingga kini<sup>53</sup>. Kondisi ini menunjukkan bahawa nas al-Quran boleh ditakwil dalam melaksanakan sesuatu hukum. Contoh pengiraan kes *al-Umaryatain* atau *al-Gharawain* adalah seperti dalam Jadual 2 iaitu:

**Jadual 2:** Contoh Pengiraan Kes Al-Umaryatain atau Al-Gharawain:

**a) Kes kematian isteri meninggalkan suami, ibu dan bapa**

Pengiraan Mengikut Hukum Faraid				Pengiraan Mengikut Ijtihad Sayidina Umar Ibn. al-Khattab			
Waris	Bahagian Fardu	Saham 6	Kaedah Pengiraan (RM6,000.00)	Waris	Bahagian fardu	Saham 6	Kaedah Pengiraan (RM6,000.00)
Suami	1/2	3	3/6 X RM 6,000.00 = RM3,000.00	Suami	1/2	6	3/6 X RM 6,000.00 = RM3,000.00
Ibu	1/3 baki daripada keseluruhan harta si mati.	2	2/6 X RM 6,000.00 = RM2,000.00	Ibu	1/3 baki daripada lebihan bahagian suami.	1	1/3 baki X RM 3,000.00 = RM 1,000.00

(sambungan)

<sup>52</sup> Muhammad Biltaji, (2006/1427). *Manhaj Umar bin al-Khattab fi al-Tasyri'*, Cet. 3, (Misr: Dar al-Salam), 279-280.

<sup>53</sup> Muhammad al-Zuhaily, (2010). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami Wa al-Qhadhaya al-Mu'asiroh*, Juz. 9, 335.

Pengiraan Mengikut Hukum Faraid				Pengiraan Mengikut Ijtihad Sayidina Umar Ibn. al-Khattab			
Bapa	Asobah	1	1/6 X RM 6,000.00 = RM1,000.00 **Bapa mendapat hak pewarisan pusaka yang kurang berbanding jumlah yang diterima oleh ibu.	Bapa	Asobah	2	RM 2,000.00* iaitu baki daripada lebihan bahagian suami dan ibu. *Bapa mendapat hak pewarisan pusaka yang sepatutnya iaitu jumlah yang lebih dua kali ganda berbanding hak yang diterima oleh ibu.
Jumlah Keseluruhan			RM 6,000.00	Jumlah keseluruhan			=RM 6,000.00
Pandangan oleh:				Pandangan oleh:			
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sayidina Ali bin Abi Talib</li> <li>2. Imam Abu Hanifah</li> <li>3. Imam Ahmad bin Hanbal</li> <li>4. Imam Abu Daud</li> </ol>				<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sayidina Umar Ibn. Al-Khattab;</li> <li>2. Sayidina Uthman bin Affan;</li> <li>3. Zaid bin Thabit; dan</li> <li>4. Disepakati oleh Ulama Maliki dan Ulama Syafie.</li> </ol>			

## b) Kes kematian suami meninggalkan isteri, ibu dan bapa

Pengiraan Mengikut Hukum Faraid				Pengiraan Mengikut Ijtihad Sayidina Umar Ibn. al-Khattab			
Waris	Bahagian Fardu	Saham 12	Kaedah Pengiraan (RM6,000.00)	Waris	Bahagian fardu	Saham 12	Kaedah Pengiraan (RM6,000.00)
Isteri	1/4	3/12	3/12 X RM 6,000.00 = RM1,500.00	Isteri	1/4	3/12	3/12 X RM 6,000.00 = RM1,500.00
Ibu	1/3 baki daripada keseluruhan harta si mati.	4/12	4/12 X RM 6,000.00 = RM2,000.00	Ibu	1/3 baki daripada lebihan bahagian isteri	4/12	4/12 X RM 4,500.00 = RM 1,500.00
Bapa	Asobah	Baki lebihan bahagian isteri dan ibu	RM2,500.00* **Bapa mendapat hak pewarisan pusaka kurang daripada dua kali ganda berbanding jumlah yang diterima oleh ibu.	Bapa	Asobah	Baki lebihan bahagian isteri dan ibu	RM 3,000.00* iaitu baki daripada lebihan bahagian isteri dan ibu. *Bapa mendapat hak pewarisan pusaka yang sepatutnya iaitu jumlah lebih dua kali ganda berbanding jumlah yang diterima oleh ibu.

(sambungan)

Pengiraan Mengikut Hukum Faraid				Pengiraan Mengikut Ijtihad Sayidina Umar Ibn. al-Khattab			
Waris	Bahagian Fardu	Saham 12	Kaedah Pengiraan (RM6,000.00)	Waris	Bahagian fardu	Saham 12	Kaedah Pengiraan (RM6,000.00)
Jumlah Keseluruhan			RM 6,000.00	Jumlah keseluruhan			= RM 6,000.00
Pandangan oleh:				Pandangan oleh:			
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sayidina Ali bin Abi Talib</li> <li>2. Imam Abu Hanifah</li> <li>3. Imam Ahmad bin Hanbal</li> <li>4. Imam Abu Daud</li> </ol>				<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sayidina Umar Ibn. Al-Khattab;</li> <li>2. Sayidina Uthman bin Affan;</li> <li>3. Zaid bin Thabit; dan</li> <li>4. Disepakati oleh ulama Maliki dan ulama Syafie.</li> </ol>			

### Contoh Kes al-Musyarrakah atau al-Himmariyyah

Sayidina Umar Ibn. al-Khattab telah melaksanakan pembaharuan dalam pembahagian harta pusaka melibatkan kes *al-Musyarrakah* atau *al-Himmariyyah*<sup>54</sup>. Kes tersebut melibatkan kematian seorang perempuan meninggalkan suami, ibu, dua orang saudara seibu lelaki atau perempuan dan saudara lelaki seibu sebapa. Sekiranya si mati meninggalkan suami, ibu dan saudara-saudara seibu sahaja maka kes *al-Musyarrakah* atau *al-Himmariyyah* tidak berlaku. Juga disyaratkan bilangan saudara seibu lelaki atau perempuan dua orang atau lebih. Firman Allah SWT:

<sup>54</sup> *Al-Musyarrakah* (المشركة) iaitu (ر) dibaca dengan baris atas dan disebut dengan *al-Musyarrakah* (المشتركة) yang bermaksud perkongsian. Permasalahan ini timbul kerana terdapat perkongsian antara saudara seibu sebapa (أخ شقيق) dengan saudara seibu (أخ لأم) dalam *fardu* yang sama iaitu untuk menerima satu pertiga (1/3) daripada pewarisan. Kes ini membabitkan empat pihak iaitu: i. Suami, ii. Ibu atau nenek, iii. Dua orang atau lebih saudara seibu sama ada perempuan, lelaki atau bercampur, iv. Seorang atau lebih daripada saudara lelaki seibu sebapa ataupun bersama-samanya saudara perempuan seibu sebapa. (Saudara seibu bersama saudara seibu sebapa berkongsi bahagian pusaka dengan kadar yang sama banyak. Lihat Mustaffa Khin, Mustaffa Bugho & Ali As-Sharbaji, (2013/1434). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, Cet. 14, 312-313; Al-Damiri, Kamal al-Din Abi al-Baqa' Muhammad bin Musa bin Isa, (2011/1432). *Al-Najmu al-Wahhaju fi Syarhi al-Minhaj*, Jld. 6, 152-153; Mustofa al-Khin, Mustaffa al-Bugho, & Ali al-Syirbaji, (2013/1434). *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, Jld. 2, 312; Muhammad al-Zuhaili, (2001/1422). *Al-Faraid wa al-Mawarith wa al-Washoya*, 201; Muhammad al-Zuhaili, (2010). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadhaya al-Mu'asiroh*, Juz. 9, 336.



Maksudnya:

*“Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih daripada seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan)”<sup>55</sup>.*

Secara literal, ayat di atas menetapkan bahagian suami iaitu  $\frac{1}{2}$ , bahagian ibu iaitu  $\frac{1}{6}$ , dua orang saudara lelaki seibu mendapat  $\frac{1}{3}$  dan saudara lelaki seibu sebapa mendapat *asobah*. Setelah dibahagikan kesemuanya maka saudara lelaki seibu sebapa tidak mendapat apa-apa bahagian kerana tiada lebih selepas dibahagikan kepada waris-waris tersebut. Ketidakpuasan hati saudara lelaki seibu sebapa itu menyebabkan mereka menemui Sayidina Umar Ibn. Al-Khattab dan meminta baginda menyelesaikan kes tersebut. Dakwaan mereka bahawa hubungan seibu sebapa adalah lebih kuat berbanding hubungan seibu. Dalam situasi ini, Sayidina Umar Ibn al-Khattab telah menegah mereka daripada menerima bahagian yang sepatutnya diterima oleh mereka.

Walau bagaimanapun, baginda telah mengakui kelemahannya dan mengiktiraf kebenaran di sebalik tuntutan tersebut. Lantas, baginda memutuskan dua orang saudara seibu lelaki atau perempuan dan saudara lelaki seibu sebapa berkongsi bahagian daripada  $\frac{1}{3}$  baki dengan kadar yang sama. Dalam kes tersebut, suami mendapat  $\frac{1}{2}$ , ibu mendapat  $\frac{1}{6}$  dan  $\frac{1}{3}$  baki dikongsi dengan kadar yang sama banyak antara dua orang saudara seibu lelaki atau perempuan dan saudara lelaki seibu sebapa. Kaedah pengiraan sedemikian jelas berbeza daripada kaedah pengiraan yang asal seperti mana ditetapkan dalam *Faraid*<sup>56</sup>. Dalam isu ini, Sayidina Uthman bin Affan, Zaid bin Thabit dan Abdullah bin Mas'ud amat bersetuju dengan ijihad Sayidina Umar Ibn. al-Khattab<sup>57</sup> dan kes ini dinamakan *al-Musyarrakah* atau *al-Himmariyyah*<sup>58</sup>. Ijihad Sayidina Umar Ibn. al-Khattab dalam

<sup>55</sup> Al-Quran, *an-Nisa'*, 3: 12.

<sup>56</sup> Muhammad Biltaji, (2006/1427). *Manhaj Umar bin al-Khattab fi al-Tasyri'*, 270.

<sup>57</sup> Muhammad al-Zuhaily, (2010). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami Wa al-Qhadhaya al-Mu'asiroh*, 336.

<sup>58</sup> Al-Himmariyyah iaitu perkongsian atau penggabungan antara dua saudara yang mempunyai hubungan kerabat dengan kadar sama rata. Contohnya dua orang saudara lelaki seibu digabungkan dengan saudara lelaki seibu sebapa dengan kadar satu pertiga. Lihat Muhammad al-Zuhaily, (2010). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami Wa al-Qhadhaya al-Mu'asiroh*, Juz. 9, 336-337; Wan Abul Halim Wan Harun, *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*, 199-200.

perkara ini menepati maksud yang tersirat di sebalik hadis Rasulullah SAW:

Maksudnya:

*“Daripada Ibnu ‘Abbas r.a berkata: Sabda Rasulullah SAW: “Berikan bahagian warisan yang ditentukan kepada pemiliknya. Adapun lebihannya maka bagi pewaris lelaki yang paling dekat nasabnya”<sup>59</sup>.*

Anjuran daripada hadis di atas menyatakan bahawa lebihan atau baki daripada pembahagian harta pusaka hendaklah diserahkan kepada waris lelaki yang paling dekat nasabnya dengan si mati. Ternyata hubungan saudara lelaki seibu sebapa adalah paling hampir dengan si mati berbanding saudara lelaki seibu. Keadilan syariat Islam dalam penyelesaian sesuatu kes seperti yang dilaksanakan oleh Sayidina Umar Ibn. al-Khattab adalah untuk memartabatkan hak waris yang sepatutnya. Contoh pengiraan kes *al-Musyarrakah* atau *al-Himmariyyah* adalah seperti dalam Jadual 3 iaitu:

**Jadual 3:** Contoh Pengiraan Kes *al-Musyarrakah* atau *al-Himmariyyah*:

Pengiraan Mengikut Hukum Faraid			
Waris	Bahagian Fardu	Saham 6	Kaedah Pengiraan RM 6,000.00
Suami	1/2	3/6	3/6 X RM 6,000.00 = RM3,000.00
Ibu	1/6	1/6	1/6 X RM 6,000.00 = RM1,000.00
Dua orang saudara lelaki seibu	1/3	2/6	2/6 X RM 6,000.00 = RM2,000.00
Seorang saudara lelaki seibu sebapa	<i>Asobah</i>	Tiada baki	Seorang saudara lelaki seibu sebapa tidak mendapat apa-apa bahagian kerana tiada baki atau lebihan daripada pembahagian harta pusaka tersebut.
Jumlah Keseluruhan			RM6,000.00
Pandangan oleh:			
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sayidina Ali bin Abi Talib</li> <li>2. Imam Abu Hanifah</li> <li>3. Imam Ahmad bin Hanbal</li> <li>4. Imam Abu Daud</li> </ol>			

<sup>59</sup> Al-Naisabur, Hafiz Muslim bin al-Hujjaj, *Soheh Muslim, Kitab al-Faraidh*, No. Hadis 4117, 752.

Pengiraan Mengikut Ijtihad Sayidina Umar Ibn. al-Khattab					
Waris	Bahagian Fardu	Saham 6	Kaedah Pengiraan RM 6,000.00	Saham 18	Kaedah Pengiraan RM6,000.00
Suami	1/2	3/6	3/6 X RM 6,000.00 = RM3,000.00	9/18	9/18 X RM 6,000.00 = RM3,000.00
Ibu	1/6	1/6	1/6 X RM 6,000.00 = RM1,000.00	3/18	3/18 X RM 6,000.00 = RM1,000.00
2 orang saudara lelaki seibu	1/3	2/6	2/6 X RM 6,000.00 = RM2,000.00* Dua orang saudara lelaki seibu = RM 1,000.00 (setiap seorang mendapat RM 500.00) *Saudara lelaki seibu sebapa = RM 1,000.00	4/18	4/18 X RM 6,000.00 =RM 1,333.33 (dibahagi kepada dua orang saudara lelaki seibu dengan mendapat RM 666.67 setiap seorang)
Seorang saudara lelaki seibu sebapa	<i>Asobah</i>				
		Dikongsi dengan kadar yang sama banyak	Disebabkan dua orang saudara seibu mendapat seorang RM500.00 iaitu tidak sama jumlah dengan saudara lelaki seibu sebapa maka kiraan mengikut saham 18.	2/18	2/18 X RM 6,000.00 = RM 666.67 Saudara lelaki seibu sebapa mendapat dengan jumlah yang sama dengan dua orang saudara lelaki seibu.
Jumlah Keseluruhan				RM 12,000.00	
Pandangan oleh:					
5.	Sayidina Ali bin Abi Talib				
6.	Imam Abu Hanifah				
7.	Imam Ahmad bin Hanbal				
8.	Imam Abu Daud				

## PERBANDINGAN HAK PEWARISAN PUSAKA ZAMAN JAHILIAH DAN ZAMAN PASCA-ISLAM

Hasil pengkajian mendapati wujud perbezaan faktor-faktor tertentu dalam penentuan hak pewarisan pusaka pada zaman Jahiliah dan zaman pasca-Islam. Perbezaan tersebut adalah seperti berikut:

1. Pada zaman Jahiliah, anak lelaki dewasa, anak angkat dan hubungan yang terjalin atas perjanjian setiakawan diberi hak pewarisan pusaka. Sementara golongan perempuan dan anak lelaki yang masih kecil dinafikan hak mereka dalam pewarisan. Golongan perempuan juga turut dijadikan harta pusaka untuk diwarisi oleh golongan lelaki dewasa. Walau bagaimanapun, kedatangan Islam membatalkan semua amalan orang Arab

pada zaman Jahiliah dan mengiktiraf golongan perempuan dan anak lelaki yang masih kecil dalam hak pewarisan pusaka sama seperti anak lelaki dewasa. Oleh sebab itu, pensyariatan pusaka memberi keadilan dan kesaksamaan kepada semua ahli waris tanpa mengira faktor usia atau jantina. Keindahan syariat Islam ini tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak kerana semua waris diberi hak pewarisan yang adil dan tiada unsur diskriminasi.

2. Pada zaman Jahiliah, kebajikan anak-anak yatim tidak dilindungi bahkan hak anak-anak tersebut dalam pewarisan pusaka dinafikan. Kedatngn Islam membawa rahmat untuk anak-anak yatim. Hak mereka dalam pusaka diberi jaminan. Contohnya, mana-mana pihak yang mengambil harta anak yatim secara zalim merupakan suatu dosa dan pada hari akhirat mendapat azab yang pedih. Keadilan Islam dalam pewarisan juga terdapat dalam kes anak-anak yatim yang kematian ibu atau bapa mereka terlebih dahulu daripada datuk mereka, maka syariat mengharuskan sedikit daripada harta pusaka tersebut untuk diberikan kepada mereka sebagai tanda kasih sayang dan belas kasihan. Pensyariatan ini terkandung dalam surah al-Nisa' ayat 8. Ulama berpandangan konsep ini diharuskan melalui wasiat wajibah yang tidak melebihi kadar  $\frac{1}{3}$  daripada keseluruhan harta si mati. Instrumen yang diperkenalkan oleh syariat melambangkan kesyumuln Islam. Sementara lebih daripada kadar tersebut adalah milik ahli waris yang dijamin oleh syariat dengan kadar yang telah ditetapkan.
3. Pada zaman Jahiliah, tiada kaedah ditetapkan untuk pembahagian pusaka seperti yang ditetapkan oleh syariat. Kadar yang diterima oleh ahli waris pada zaman Jahiliah tidak dijelaskan dengan tepat. Mekanisme pembahagian pusaka yang dilakukan ketika itu mengikut kehendak masing-masing. Sementara zaman pasca-Islam, Allah SWT menetapkan waris-waris yang berhak dengan bahagian yang tertentu. Contohnya, anak lelaki mendapat dua bahagian dan anak perempuan mendapat satu bahagian. Bagi suami pula ditetapkan  $\frac{1}{2}$  jika si mati tidak meninggalkan anak dan suami mendapat  $\frac{1}{4}$  jika si mati meninggalkan anak. Kadar-kadar yang ditetapkan itu kekal sehingga akhir zaman. Pensyariatan tersebut terkandung dalam surah al-Nisa' ayat 11, 12 dan 176.

4. Pelaksanaan pusaka pada zaman Jahiliah tidak menyumbang kepada kelestarian ilmu baharu terhadap tamadun manusia. Bahkan terdapat kelemahan dalam pelaksanaan pewarisan pusaka ketika itu. Contohnya, terdapat barang peninggalan si mati dikuburkan bersama si mati atas dakwaan untuk kegunaan si mati di alam kubur sedangkan muamalah manusia sudah terhenti setelah kematian. Oleh sebab itu, tindakan tersebut suatu pembaziran dan sia-sia. Sejak zaman pasca-Islam, ilmu *Faraid* telah memberi impak kepada perkembangan ilmu dan tamadun manusia. Angka-angka yang ditetapkan oleh syarak dalam al-Quran dijadikan asas dalam kewujudan ilmu matematik. Ilmu ini dipelopori oleh Al-Khawarizmi yang merupakan seorang tokoh sarjana Islam yang pertama memperkenalkan teori-teori dalam ilmu matematik berdasarkan ilmu *Faraid*. Setelah itu, ilmu ini terus berkembang dengan pesat. Dalam hal ini, kepentingan ilmu *Faraid* tidak boleh dinafikan lagi oleh mana-mana pihak berdasarkan hadis Nabi SAW:

Maksudnya:

*“Daripada Abdullah bin ‘Amru bin Al-‘Ash bahawa Nabi SAW bersabda: Ilmu itu ada tiga dan selain itu hanyalah lebih sahaja iaitu ayat-ayat berkenaan hukum, sunnah-sunnah yang betul dan ilmu Faraid yang adil”<sup>60</sup>.*

## KESIMPULAN

Hak pewarisan pusaka Islam ialah suatu sistem yang adil. Semua pihak mendapat bahagian masing-masing dengan kadar yang tertentu. Ketetapan tersebut mengambil kira faktor keturunan, perkahwinan, hamba dan beragama Islam. Pada zaman Jahiliah, keturunan hanya melibatkan anak lelaki dewasa sahaja sedangkan anak perempuan dan anak-anak kecil tidak berhak dalam pewarisan. Selain itu, zaman ini turut mengiktiraf anak angkat dan hubungan persahabatan dalam

<sup>60</sup> Soleh bin Abdul Aziz bin Muhammad, (2008). *Mausu'ah al-Hadis Al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, Sunan Abi Daud, Cet. 4, (Riyadh: Dar al-Salam), 1438.

pewarisan. Oleh sebab itu, zaman pasca-Islam membatalkan semua ketetapan tersebut dan mengembalikan hak waris yang sepatutnya. Pensyariatan pusaka turut mengangkat kedudukan anak-anak yatim dengan diberi hak perlindungan dan pembelaan. Walaupun mereka kanak-kanak dan tidak berupaya mengurus harta dengan sendiri, hak mereka tetap dijamin oleh syariat. Zaman pasca-Islam juga turut menyumbang kepada kelestarian ilmu dan tamadun manusia apabila ilmu *Faraid* dijadikan asas dalam perkembangan ilmu matematik. Secara jelasnya, ketetapan Allah SWT amat signifikan untuk diaplikasikan kerana maqasid pensyariatan *Faraid* adalah untuk masalah semua pihak yang terlibat dan berkekal merentasi sempadan dan zaman. Situasi yang berlaku antara dua zaman itu menunjukkan jurang pemisah yang amat ketara. Ketetapan hak pewarisan pusaka zaman pasca-Islam yang lebih adil, lengkap dan sempurna sementara zaman Jahiliah berdasarkan akal fikiran yang terbatas dan tuntutan nafsu semata-mata.

## BILBIOGRAFI

- Al-Quran, Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. (2013). Cet. 20. Selangor: Darul Fikr, (Jabatan Perdana Menteri).
- Abdul Rahman bin Khaldun. (1998). *Muqaddimah Ibn. Al-Khaldun*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abdul Karim Zaidan. (2003). *Al-Wajiz fi Syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassash al-Risalah.
- \_\_\_\_\_. (2000). *Nadhariyyfi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abi Abbas Najmuddin Ahmad bin Muhamaad Ibn Al-Raf'ah. (2009). *Kifayat al-Nabih Syarah al-Tanbih fi Fiqh al-Faqih al-Imam al-Syafie*. Beirut: Dar al- Kotob al-'Ilmiyah.
- Al-Baidhawi, Imam al-Qhadhi Nasiruddin Abi Said Abdullah Abi Umar bin Muhammad al-Syirazi. (1996). *Tafsir al-Baidhawi*. Beirut; Dar al-Fikr.
- Al-Damiri, Kamal al-Din Abi al-Baqa' Muhammad bin Musa bin Isa. (2011). *Al-Najmu al-Wahhaju fi Syarhi al-Minhaj*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. (1943). *Tafsir al-Maraghiy*. Misr: Maktabah Mustafa al-Baby al-Halaby wa Auladuhu,

- Al-Muqri, Syarafiddin Ismail. (2013). *Raudhu al-Thalib wa al-Hayatu Mathlab al-Raghib*. Al-Kuwait: Dar al-Dhiya.
- Al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad Ansori. (2007). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Darul Hadis.
- Al-Ramli, Shamsuddin Muhammad bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Shahab al-Din. (1984). *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarah al-Minhaj*. Misr: Maktabah Mustafa al-Baby al-Halaby Wa Auladuhu,
- Al-Syirbini, Shamsuddin Muhammad bin al-Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Makrifah,
- Al-Subky, Ali bin Al-Kafy. *Al-Ihaju Fi Syarah al-Minhaj*, Al-Imarat al-Arabiyyah al-Muttahidah: Dar al-Buhuth Lil Dirasat al-Islamiyyah wa Ihya' al-Turath, 2021-2022.
- Al-Syafie, Muhammad al-Amin bin Abdullah Al-Uramiy al-'Alawiyy al-Harariy. (2001). *Tafsir Hadai'qu al-Ruh Wal Raihan fi Rawabi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Najah.
- Al-Syirbini, Shamsuddin Muhammad bin al-Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Lajnah min Asatizah Qismu al-Fiqh bi Kuliyyah al-Syariah wa al-Qanun bi al-Qaherah. Jami'ah al-Azhar. (t.t.). *Ahkam al-Mawarith Wal-Wasoya fi al-Fiqh al-Islami*.
- Muhammad Biltaji. (2006). *Manhaj Umar bin al-Khattab fi al-Tasyri'*. Misr: Dar al-Salam.
- Muhammad Muhammad Tamir. (911 H.). *Lubabu al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul Li al-Imam al-Sayuthi*. Darul Taqwa: Kuliyyah Dar al-Ulum Qism al-Syariah.
- Muhammad al-Tahir bin A'syur. (1997). *Tafsir al-Tahrir Wal Tanwir*. Tunis: Dar al-Suhnun Li al-Nasyr Wa al-Tauzi'.
- Muhammad Mu'az Mustaffa al-Khin. (2007). *Al-Qhat'I Wal Dhanni fi al-Thubut Wal Dilalah 'inda al-Usuliyin*. Damsyiq: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Muhammad Taqiyuddin al-'Uthmani. (2006). *Takmilu Fath al-Malhim bi Syarah Soheh al-Imam Muslim*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Mustaffa Ahmad al-Zarqa'. (2004). *Kitab al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*. Damsyiq: Dar al-Qalam,
- Mustaffa Khin, Mustaffa Bugho, & Ali As-Sharbaji. (2013). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Damsyiq; Dar al-Qalam.

- Muhammad al-Zuhaili. (2001). *Al-Faraidh Wa al-Mawarith Wal-Wasoya*. Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- \_\_\_\_\_. (2011). *Al-Muktamad fi al-Fiqh al-Syafie*, Damsyiq: Dar al-Qalam.
- \_\_\_\_\_. (2010). *Mausu'ah al- Fiqh al-Islami Wa al-Qhadhaya al-Mu'asiroh*.
- Mohd. Ridzuan bin Awang. (2003). Isu-Isu Keadilan Dalam Pengagihan Harta Pusaka. *Kerja Kertas Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003: Menghadapi Cabaran Globalisasi* pada 24-25 September 2003 bertempat di Kolej Islam Selangor Darul Ehsan.
- Nasr Sulaiman, & Su'ad Sathi. (2011). *al-Mawarith fi Dhawi al-Kitab wa al-Sunnah Dirasah Muqaranah baina al-Mazahib*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Coulson, N. J. (1971). *Succession in the muslim family*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nik Azmah Nik Yusuff. (2007). *Kualiti Perkhidmatan Pengurusan Pendidikan Sains Dan Matematik Dalam Wawasan Pendidikan Negara* (Tesis Ph.D). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noreshah Baharom. (2013). *Kamus bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Qutb. (2004). *Fi Zilal al- Quran*. Juz 1-4, Cet. 34. Al-Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Soleh bin Abdul Aziz bin Muhammad. (2008). *Mausu'ah al-Hadis Al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, Sunan Abi Daud. Riyadh: Dar al-Salam.
- Soleh bin Fauzan bin Abdullah Fauzani. (2002). *Al-Mulakkhas al-Fiqhi*. Riyadh: Ri'asah Idarah al-Buhuth al-'Alamiyyah wa al-Ifta'.
- Sulaiman bin Muhammad bin Umar. (2000). *Hasyiyah al-Bujairmi 'Ala Syarah Minhaj al-Tullab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Soheh Muslim, Jam'u Jawami' al-Ahadis wa al-Asanid wa Makjizi al-Sihah wa al-Sunan wa al-Masanid. Thesaurus Islamicus Foundtion, 2000.
- Sunan Abi Daud, Jam'u Jawami' al-Ahadis wa al-Asanid wa Makjizi al-Sihah wa al-Sunan wa al-Masanid. Thesaurus Islamicus Foundtion, 2000.



- Wahbah al-Zuhaili. (2003). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah Wal-Syariah wa al-Manhaj*. Damsyiq: Darul Fikr, /1424.
- \_\_\_\_\_. (2010). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami Wal-Qhadhaya al-Mu'asiroh*, Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_. (1984). *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- WanAbul Halim Wan Harun. (2008). *Pengurusan dan pembahagian harta pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.